



SOALAN LAZIM (FAQ):

LESEN KENDERAAN MOTOR (LKM) BENTUK BAHARU

| BIL. | SOALAN | JAWAPAN |
|------|--|--|
| 1. | Kenapa Lesen Kenderaan Motor (LKM) kenderaan motosikal kepada bentuk baharu? | <p>Penukaran fizikal LKM ini adalah untuk menyeragamkan fizikal LKM kepada satu (1) bentuk sahaja iaitu kertas keselamatan berbanding sebelum ini berbentuk plastik yang perlu ditampal pada cermin kenderaan.</p> <p>Inisiatif ini juga adalah suatu langkah transformasi ke arah menyokong inisiatif pendigitalan LKM.</p> |
| 2. | Bilakah pelaksanaan LKM Bentuk Baharu ini akan bermula? | Pada masa ini, pembaharuan LKM akan menggunakan LKM sedia ada. LKM Bentuk Baharu akan digunakan setelah LKM sedia ada habis secara berperingkat di pejabat-pejabat JPJ dan di rakan niaga. |
| 3. | Siapakah yang layak mendapatkan LKM Bentuk Baharu ini? | Orang awam yang menjalankan urusniaga permohonan atau pembaharuan LKM akan menerima LKM Bentuk Baharu ini. |
| 4. | Di manakah LKM Bentuk Baharu ini dikeluarkan? | Di semua kaunter JPJ di seluruh Malaysia (Semenanjung, Sabah, Sarawak dan Pulau Bebas Cukai) dan rakan niaga JPJ iaitu Pejabat Pos Malaysia, MyEG Services dan PUSPAKOM. |
| 5. | Adakah terdapat caj tambahan yang dikenakan untuk mendapatkan LKM Bentuk Baharu ini? | Tiada caj tambahan yang dikenakan. Ia termasuk di dalam fi pembaharuan LKM. |
| 6. | Adakah pemilik kenderaan perlu melekatkan LKM Bentuk Baharu pada cermin kenderaan? | LKM Bentuk Baharu ini tidak perlu dilekatkan pada cermin kenderaan sebaliknya ia disimpan mengikut kesesuaian orang awam. Pemilik kenderaan perlu mengemukakan kepada pihak berkuasa sekiranya diminta. |

| BIL. | SOALAN | JAWAPAN |
|------|--|--|
| 7. | Maklumat apakah yang terdapat di dalam LKM Bentuk Baharu? | Maklumat yang tertera adalah sepetimana yang terdapat pada LKM sedia ada seperti nombor pendaftaran kenderaan, tarikh tamat sah laku, kapasiti enjin, kawasan isytihar dan kadar bayaran fi LKM. |
| 8. | Adakah LKM Bentuk Baharu ini sah digunakan di jalan raya dan boleh dikemukakan kepada pihak berkuasa apabila diminta berbuat demikian. | LKM Bentuk Baharu ini sah digunakan di jalan raya dan boleh dikemukakan kepada pihak berkuasa apabila diminta berbuat demikian. |
| 9. | Adakah pelaksanaan LKM Bentuk Baharu ini turut melibatkan kenderaan perdagangan? | Ya. Pelaksanaan LKM Bentuk Baharu ini akan melibatkan semua jenis kenderaan sama ada kenderaan persendirian individu, persendirian syarikat, perdagangan dan lain-lain. |
| 10. | Apakah LKM sedia ada masih boleh digunakan setelah pelaksanaan LKM Bentuk Baharu? | LKM sedia ada masih lagi terpakai sehinggalah tarikh sah laku LKM tersebut tamat. Orang awam tidak perlu menukar LKM sedia ada yang masih belum tamat tempoh kepada LKM Bentuk Baharu. |
| 11. | Adakah LKM Bentuk Baharu boleh digunakan di luar negara? | Kemasukan kenderaan pendaftaran Malaysia adalah tertakluk kepada peraturan negara asing tersebut. Bagi negara asing yang memerlukan dokumen fizikal LKM dari negara Malaysia, LKM Bentuk Baharu ini boleh digunakan. |
| 12. | Adakah saya masih boleh memilih untuk melaksanakan pembaharuan LKM Digital tanpa cetakan fizikal? | Ya. Orang awam (kenderaan persendirian individu) sangat digalakkan untuk melaksanakan urusniaga pembaharuan LKM secara digital tanpa cetakan. Ianya lebih mudah dan cepat serta menyokong dasar pendigitalan Kerajaan. |

| BIL. | SOALAN | JAWAPAN |
|------|--|--|
| 13. | Jika LKM Bentuk Baharu saya hilang/rosak, bolehkah saya mendapatkan semula Salinan LKM? | Boleh. Salinan LKM boleh diperolehi di mana-mana pejabat JPJ dengan dikenakan fi salinan sebanyak RM20 bagi motosikal dan RM50 bagi selain motosikal. |
| 14. | Bilakah orang awam boleh memperbaharui LKM melalui aplikasi MyJPJ? | Orang awam (Warganegara) boleh memperbaharui LKM melalui aplikasi MyJPJ mulai 1 Februari 2024. Walau bagaimanapun, pelaksanaan pembaharuan LKM melalui aplikasi MyJPJ ini dibuat secara berperingkat dengan peringkat pertama melibatkan kenderaan persendirian individu sahaja. |
| 15. | Bagaimana pula dengan kenderaan persendirian atau kenderaan perdagangan yang dimiliki oleh syarikat/pertubuhan/entiti? | Bagi kenderaan persendirian selain individu seperti kenderaan persendirian syarikat, kenderaan perdagangan, kenderaan yang dimiliki oleh bukan Warganegara dan lain-lain, urusniaga pembaharuan LKM melalui aplikasi MyJPJ akan diumumkan kemudian. Pembaharuan LKM melibatkan kenderaan jenis-jenis ini boleh dilakukan di saluran lain seperti kaunter JPJ dan rakan niaga (Pos Malaysia, MyEG dan PUSPAKOM). |
| 16. | Adakah terdapat perubahan bayaran fi LKM bagi urusniaga melalui aplikasi MyJPJ? | Kadar bayaran fi LKM bagi semua kenderaan adalah sama dan tiada peningkatan bayaran tambahan susulan dari pelaksanaan ini. Bahkan melalui inisiatif Pendigitalan LKM sepenuhnya, ianya akan menjimatkan masa dan kos kepada pengguna. |

| BIL. | SOALAN | JAWAPAN |
|------|--|--|
| 17. | Jika saya telah membuat pembaharuan LKM dan memilih untuk mendapatkan cetakan LKM, adakah maklumat terkini LKM saya akan dipaparkan di dalam aplikasi MyJPJ? | Ya. Semua maklumat berkaitan LKM dikemaskini secara <i>real-time</i> di dalam sistem JPJ dan aplikasi MyJPJ. Walau bagaimanapun, pelaksanaan aplikasi MyJPJ pada masa ini hanya melibatkan kenderaan persendirian individu Warganegara sahaja. |
| 18. | Sekiranya saya memperbaharui LKM melalui portal mySIKAP atau aplikasi MyJPJ, adakah saya akan diberikan LKM Bentuk Baharu ketika hadir di kaunter JPJ? | Ya. Orang ramai yang telah membuat urusniaga pembaharuan LKM secara dalam talian sama ada melalui portal mySIKAP atau aplikasi MyJPJ, boleh membuat cetakan LKM di kaunter JPJ. |